



28 Ogos 2025
28 August 2025
P.U. (A) 314

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA (TATACARA MESYUARAT BAGI
JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH) 2025

*MALAYSIAN ANTI-CORRUPTION COMMISSION
(PROCEDURE OF MEETINGS FOR SPECIAL COMMITTEE
ON CORRUPTION) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009

PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
(TATACARA MESYUARAT BAGI JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 71(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Tatacara Mesyuarat bagi Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2025.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Jawatankuasa Khas” ertinya Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah yang ditubuhkan di bawah seksyen 14 Akta;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa Khas yang dilantik di bawah seksyen 14 Akta; dan

“Timbalan Pengerusi” ertinya Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Khas yang dilantik di bawah seksyen 14 Akta.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas

3. (1) Jawatankuasa Khas hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya satu kali setahun bagi melaksanakan fungsinya dan mesyuarat itu hendaklah diadakan pada masa dan di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Khas.

(3) Jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Khas, dia boleh mengarahkan Timbalan Pengerusi untuk menggantikannya sebagai pengerusi mesyuarat itu.

(4) Dalam keadaan kedua-dua Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Khas, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan.

(5) Lima orang anggota, termasuk pengerusi mesyuarat, hendaklah membentuk kuorum mesyuarat Jawatankuasa Khas.

(6) Pengerusi atau pengerusi yang disebut dalam subperaturan (3) boleh menetapkan apa-apa perkara yang hendak dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas.

(7) Pengerusi atau pengerusi yang disebut dalam subperaturan (3) boleh membenarkan penggunaan suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain bagi maksud apa-apa mesyuarat Jawatankuasa Khas.

(8) Pengerusi atau pengerusi yang disebut dalam subperaturan (3) hendaklah memastikan penjalanan mesyuarat adalah teratur sebagaimana yang diperuntukkan dalam agenda atau yang dipersetujui selainnya oleh majoriti anggota.

Urus setia mesyuarat Jawatankuasa Khas

4. Bahagian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab pengurusan dasar dan hal ehwal parlimen dalam Suruhanjaya hendaklah menjadi urus setia mesyuarat Jawatankuasa Khas.

Notis mesyuarat Jawatankuasa Khas

5. Urus setia mesyuarat Jawatankuasa Khas hendaklah menyediakan dan mengedarkan notis panggilan mesyuarat yang menyatakan tempat, tarikh, masa dan tujuan mesyuarat itu diadakan sebelum mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Khas diadakan.

Minit mesyuarat Jawatankuasa Khas

6. (1) Urus setia mesyuarat Jawatankuasa Khas hendaklah—

(a) menyenggara dan menyimpan minit semua mesyuarat Jawatankuasa Khas dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Khas kepada anggota mesyuarat Jawatankuasa Khas secepat yang dapat dilaksanakan selepas mesyuarat Jawatankuasa Khas diadakan.

(2) Tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Khas yang berkenaan dengannya minit telah dibuat hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Jawatankuasa Khas boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Khas

7. Jawatankuasa Khas boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Khas bagi maksud menasihatinya atau memberikan pandangan mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan atau bagi tujuan tertentu yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Khas.

Dibuat 27 Ogos 2025
[SPRM.BDPP.600-1/1/2; PN(PU2)677]

DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)*

MALAYSIAN ANTI-CORRUPTION COMMISSION ACT 2009

MALAYSIAN ANTI-CORRUPTION COMMISSION (PROCEDURE OF MEETINGS
FOR SPECIAL COMMITTEE ON CORRUPTION) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by subsection 71(2) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [*Act 694*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysian Anti-Corruption Commission (Procedure of Meetings for Special Committee on Corruption) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2025.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Special Committee” means the Special Committee on Corruption established under section 14 of the Act;

“Chairman” means the Chairman of the Special Committee appointed under section 14 of the Act; and

“Deputy Chairman” means the Deputy Chairman of the Special Committee appointed under section 14 of the Act.

Meetings of Special Committee

3. (1) The Special Committee shall convene its meetings at least once a year for the performance of its functions and the meeting shall be held at the time and place as determined by the Chairman.

(2) The Chairman shall preside at all meetings of the Special Committee.

(3) If the Chairman is absent from any meeting of the Special Committee, he may direct the Deputy Chairman to replace him as the chairman of the meeting.

(4) In the event that both the Chairman and Deputy Chairman are unable to attend a meeting of the Special Committee, the meeting shall be adjourned.

(5) Five members, including the chairman of the meeting, shall form the quorum of the meetings of the Special Committee.

(6) The Chairman or the chairman referred to in subregulation (3) may specify any matter that needs to be discussed at the meetings of the Special Committee.

(7) The Chairman or the chairman referred to in subregulation (3) may authorize the use of a live video link, live television link or any other electronic means of communication for the purposes of any meeting of the Special Committee.

(8) The Chairman or the chairman referred to in subregulation (3) shall ensure the conduct of the meetings is in order as provided in the agenda or as may be otherwise agreed by majority of the members.

Secretariat of meetings of Special Committee

4. The Division charged with the responsibility for policy management and parliamentary affairs in the Commission shall be the secretariat of the meetings of the Special Committee.

Notice of meetings of Special Committee

5. The secretariat of the meetings of the Special Committee shall prepare and distribute notice calling for a meeting specifying the place, date, time and the purpose of the meeting to be convened before the holding of any meeting of the Special Committee.

Minutes of meetings of Special Committee

6. (1) The secretariat of the meetings of the Special Committee shall—

(a) maintain and keep the minutes of all the meetings of the Special Committee in a proper form; and

(b) distribute the minutes of the meetings of the Special Committee to the members of the meetings of the Special Committee as soon as practicable after the holding of the meetings of the Special Committee.

(2) Every meeting of the Special Committee in respect of which minutes have been made shall be deemed to have been duly convened and held and all members at the meeting to have been duly qualified to act.

Special Committee may invite others to attend meetings of Special Committee

7. The Special Committee may invite any person to attend any meeting of the Special Committee for the purpose of advising it or providing views on any subject matter under discussion or for any specific purpose which may be deemed necessary by the Special Committee.

Made 27 August 2025
[SPRM.BDPP.600-1/1/2; PN(PU2)677]

DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN
Minister in the Prime Minister's Department
(Law and Institutional Reforms)